

## **KERTAS CADANGAN PENUBUHAN GRUP PROFESSIONAL MUAMALAT**

### **1.0 Latarbelakang**

Krisis ekonomi dan kewangan yang seringkali melanda dunia telah membuktikan kegagalan sistem ekonomi yang di amal kini. Kebangkitan Islam yang bermula pada awal abad ke-20 telah mencetuskan beberapa fenomena baru dalam pelbagai aspek termasuk idea ekonomi Islam yang dijadikan salah satu mekanisme pembangunan umat. Krisis kewangan dunia yang menelan kerugian melebihi trilion dolar telah membuka ruang yang amat luas kepada sistem ekonomi Islam untuk diamalkan secara menyeluruh. Seiring dengan perkembangan ini, kewangan Islam sebagai salah satu sektor di bawah kerangka ekonomi Islam telah dibuktikan mampu berdaya saing dan menerajui industri kewangan satu masa nanti.

Melihat kepada perkembangan kewangan Islam di dunia, Malaysia merupakan peneraju utama dari pelbagai aspek. Ini berdasarkan kepada hasil peranan pro-aktif sektor primer iaitu kerajaan Malaysia dalam menyediakan infrastruktur perlaksanaan kewangan Islam termasuk usaha giat oleh sektor sekunder iaitu swasta atau institusi kewangan Islam itu sendiri. Kerajaan Malaysia telah memainkan peranannya dalam menyediakan infrastruktur perlaksanaan kewangan Islam dan ini termasuk penggubalan undang-undang kewangan Islam, semakan undang-undang, insentif cukai, kelulusan lesen perbankan Islam, penubuhan INCEIF, ISRA, peruntukan dana khas, inisiatif infrastruktur kewangan; penubuhan Jabatan Kewangan Islam dan Takaful dan program latihan dan penyelidikan. Sektor swasta juga positif dalam usaha mengembangkan sektor kewangan Islam ini melalui penubuhan Pertubuhan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM), penganjuran seminar dan konferens, program latihan, penyediaan garis panduan amalan kewangan Islam dan sebagainya.

Walaupun Malaysia sering dilihat sebagai peneraju industri ini melalui peranan sektor kerajaan dan swasta, didapati potensi perkembangan kewangan Islam ini sebenarnya masih tidak diteroka sepenuhnya. Hingga kini, jumlah aset perbankan Islam di Malaysia hanya mencecah 20% dari jumlah aset perbankan nasional di mana angka ini masih lagi tidak boleh dibanggakan. Sehubungan dengan itu, kami melihat bahawa industri kewangan Islam ini mampu dijana dan diekploitasi dengan lebih berkesan sekiranya peranan dimainkan oleh setiap sektor sama ada kerajaan, swasta dan sektor ketiga iaitu masyarakat sivil. Melalui pemerhatian, terdapat jurang yang agak tinggi bagi penglibatan masyarakat sivil menyumbang ke arah perkembangan kewangan Islam. Hingga kini, badan-badan bukan kerajaan masih tidak giat terlibat menyumbang secara serius dalam memartabatkan kewangan Islam.

Berdasarkan faktor ini, ABIM dengan kekuatan melalui struktur organisasi, modal insan, pengalaman, dedikasi serta komitmen terhadap umat boleh bersama-sama sektor kerajaan dan sektor swasta berkerjasama dan memberikan sumbangan ke arah memperkasakan sistem kewangan Islam khususnya di Malaysia dan amnya di persada dunia. Melihat kepada sambutan yang masih agak dingin oleh badan-badan bukan kerajaan lain untuk bersama-sama menggerakkan usaha memartabatkan kewangan

Islam, ABIM dianjurkan mengambil peluang ini untuk menjadi pemain utama. Kami merasa sangat yakin bahawa ABIM mempunyai kemampuan untuk menerajui barisan hadapan masyarakat civil dalam memberikan sumbangan terhadap perkembangan sektor kewangan Islam.

## **2.0 Matlamat, Objektif, Struktur dan Aktiviti Grup Professional Muamalat**

Grup Professional Muamalat berupaya menjadi 'think tank' atau 'brain' ABIM dalam melaksanakan gerak kerja dakwah di dalam ruang lingkup dakwah ekonomi Islam. Penubuhan Grup ini juga boleh mengumpulkan ahli-ahli ABIM yang merupakan tenaga profesional yang mempunyai latar belakang syariah, kewangan Islam, undang-undang, ekonomi dan sebagainya tidak kira sebagai ahli akademik, pengamal undang-undang, ahli perbankan, penasihat syariah dan penyelidik. Kepelbagaiannya ahli-ahli profesional ABIM ini, kepakaran, pengetahuan, pengalaman dan pendidikan bakal merancakkan dan merupakan salah satu kekuatan kepada grup ini sendiri.

### **2.1 Matlamat Penubuhan**

Matlamat penubuhan Grup Professional Muamalat ABIM ini adalah bagi membolehkan usaha pemfokusan dakwah dalam memartabatkan ekonomi Islam sebagai salah satu cabang jihad.

### **2.2 Objektif Penubuhan**


Antara objektif penubuhan Grup Professional Muamalat ABIM ini adalah untuk:-

1. Menginstitusikan Grup Professional Muamalat ABIM sebagai satu gerakan tersusun, terancang dan progresif yang proaktif dalam gerak kerja berkaitan ekonomi Islam.
2. Grup Professional Muamalat bertindak sebagai 'think tank' ABIM bagi mengatur strategi dakwah serta bergiat aktif dalam memberikan penerangan, kesedaran serta menyumbang ke arah memartabatkan ekonomi Islam.
3. Mengadakan program-program berbentuk forum, dialog, wacana, seminar, latihan di dalam memberi pencerahan kepada masyarakat berhubung ekonomi Islam.
4. Menerajui gerakan masyarakat civil dalam usaha ke arah mempengaruhi perlaksanaan ekonomi Islam agar menepati maqasid Syariah.
5. Menyediakan ruang bagi mana-mana individu untuk bergiat aktif dalam apa sahaja kegiatan melibatkan bidang ekonomi Islam.

## 2.2 Struktur Organisasi

Grup Professional Muamalat ini akan digerakkan oleh Pengurusan Eksekutif iaitu Pengerusi, Bendahari, Setiausaha dan Ahli Jawatankuasa. Grup ini akan mempunyai Panel Penasihat yang terdiri daripada pakar kewangan Islam dalam dan luar negara.

### 2.2.1 Eksekutif



### 2.2.2 Panel Penasihat

- Professor M. Kabir Hasan
- Profesor Mehmet Asutay
- Profesor Masudul Alam Chodhury
- Profesor Ahmad Kameel Mydin Meera
- Profesor Abdul Ghafar Ismail
- Dr. Ahmad Azam Othman
- Professor Syed Ghazali Wafa
- Akan dikenalpasti

## 3.0 Justifikasi Penubuhan

Idea penubuhan Grup Professional Muamalat ABIM ini merupakan terjemahan daripada rasa tanggungjawab menegakkan hukum Allah melalui perlaksanaan ekonomi Islam. Sebarang usaha ke arah membebaskan kehidupan dari *riba* perlu dianggap sebagai ibadah dan satu cabang jihad ekonomi yang perlu dilaksanakan. Jihad ekonomi adalah kefarduan yang telah ditentukan oleh syarak dan keperluan yang dituntut oleh akidah.

ABIM juga memiliki kelebihan dari aspek modal insan dan kepakaran dalam bidang kewangan Islam, Syariah, Undang-undang, ekonomi dan lain-lain. Didapati ramai ahli jemaah yang berpengalaman, berpengetahuan dan ada yang terlibat secara langsung dalam industri kewangan Islam. Potensi dan keupayaan ini sepatutnya dieksplotasikan untuk bersama-sama menyumbang kepada perlaksanaan sistem kewangan Islam yang lebih adil dan menepati maqasid Syariah.

Dengan jaringan dan kekuatan struktur organisasi yang tersusun serta kepercayaan masyarakat terhadap jemaah ABIM, peranan yang lebih progresif boleh dimainkan oleh ABIM untuk mendidik masyarakat terhadap keperluan bermuamalat dengan cara Islam.

Bukan itu sahaja, ABIM juga boleh berperanan sebagai salah satu ‘pressure group’ kepada industri kewangan Islam untuk sentiasa memantau ‘trend’, perkembangan serta amalananya di pasaran. Dalam aspek ini, penubuhan unit khusus Grup Professional Muamalat ABIM untuk mengendalikan aktiviti dakwah, mengajurkan program, menerbitkan risalah mengenai kewangan Islam, agenda mendidik masyarakat dan sebagainya akan dapat mempermudahkan gerak kerja. Grup Professional Muamalat ABIM juga berupaya untuk menjadi ‘think tank’ kewangan Islam dan seterusnya menerajui gerakan masyarakat sivil dalam memartabatkan ekonomi Islam.

#### **4.0 PENUTUP**

Kertas cadangan ini bertujuan untuk mengetengahkan idea penubuhan Grup Professional Muamalat sebagai ‘think tank’ ABIM dalam mendepani isu-isu dan mengatur gerak kerja memartabatkan perlaksanaan ekonomi Islam. Dengan tertubuhnya Grup Professional Muamalat ABIM ini, setiap isu, aktiviti, gerak kerja, strategi dakwah berkenaan dengan ekonomi Islam akan dapat di atur dan di urus dengan lebih berkesan. Semoga idea penubuhan Grup Professional Muamalat ABIM ini mendapat perhatian sewajarnya dari pucuk pimpinan ABIM dan seterusnya mendapat lampu hijau untuk meneruskan agenda yang dirancang.

Disediakan oleh

DR. ZULKIFLI HASAN